

WĀW AL-ḤĀL BETWEEN ARABIC GRAMMATICAL THEORY AND TRANSLATION PRACTICE: AN ANALYSIS OF MALAY TRANSLATIONS OF THE AL-QURAN

WĀW AL-ḤĀL ANTARA TEORI NAHU ARAB DAN PRAKTIK TERJEMAHAN: ANALISIS TERHADAP TERJEMAHAN AL-QURAN BAHASA MELAYU

Mohammad Roshimi Abdullahⁱ, Muhammad Lukman Mat Sinⁱⁱ, Muhammad Arif Musaⁱⁱⁱ,
Muaz Mohd Ghani Basri^{iv}, Wafa Abdul Jabbar Shohibuddin^v & Abdul Basir Awang @ Mohd
iv. Ramli^{vi}

- ⁱ. (*Corresponding author*). Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Malaysia. mohdroshimi@unisiraj.edu.my
ⁱⁱ. Pensyarah, Fakulti al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Malaysia. drlukmanms@unisiraj.edu.my
ⁱⁱⁱ. Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia. arif@usim.edu.my
^{iv}. Pensyarah, Fakulti al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Malaysia. muazghanibasri@unisiraj.edu.my
^v. Pensyarah, Fakulti al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Malaysia. wafa@unisiraj.edu.my
^{vi}. Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Perlis, Kampus Arau, Malaysia. abasir180@uitm.edu.my

Article Progress

Received: 15 Julai 2025

Revised: 15 August 2025

Accepted: 28 August 2025

Abstract	<p><i>The grammatical element wāw al-ḥāl in Arabic plays a significant role in expressing circumstantial meaning that accompanies the main action within a Arabic language sentence. In the context of translating the al-Quran into Malay, this element poses a challenge due to the structural and semantic differences between Arabic and Malay, particularly the absence of a direct grammatical equivalent in the target language. This study aims to examine how wāw al-ḥāl is translated in three different Malay al-Quran translations: Tafsir Pimpinan al-Raḥmān, Mukhtaṣar al-Bayān al-Quran Translation, and Tafsir Yusoff Zaki. It further evaluates the appropriateness of the translation approaches used based on classical Arabic grammatical principles. The study adopts a qualitative textual analysis by purposively identifying 20 Quranic verses containing wāw al-ḥāl. The analysis is conducted through a semantic and functional translation framework, guided by traditional Arabic grammar theory. The findings reveal a variety of translation strategies, including explicit rendering, implicit interpretation, and occasional omission. The findings contribute to enhancing the quality of Malay Quranic translations and offer insights into producing translations that better reflect the intended meanings of the original Arabic text.</i></p> <p>Keywords: <i>Wāw al-Ḥāl, Arabic, Grammar, Malay, Language.</i></p>
Abstrak	<p><i>Elemen wāw al-ḥāl dalam nahu Arab berperanan penting dalam menyampaikan makna keadaan yang menyertai perbuatan utama dalam ayat bahasa Arab. Dalam konteks terjemahan al-Quran ke dalam bahasa Melayu,</i></p>

unsur ini menimbulkan cabaran kerana struktur dan ekspresi dalam bahasa Melayu tidak mempunyai padanan secara langsung yang mantap. Kajian ini bertujuan meneliti bagaimana wāw al-ḥāl diterjemahkan dalam tiga terjemahan al-Quran bahasa Melayu yang berbeza, iaitu Tafsir Pimpinan al-Raḥmān, Terjemahan al-Quran Mukhtaṣar al-Bayān dan Tafsir Yusoff Zaki, serta menilai kesesuaian pendekatan penterjemahan yang digunakan berdasarkan prinsip nahu Arab. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis teks dengan meneliti 20 ayat yang mengandungi wāw al-ḥāl secara purposif. Analisis dibuat berdasarkan pendekatan semantik dan fungsional dalam terjemahan serta kerangka teori nahu Arab klasik. Hasil kajian mendapati terdapat kepelbagaian dalam strategi terjemahan yang merangkumi penterjemahan eksplisit, implisit dan pengguguran. Dapatan kajian ini memberi sumbangan kepada penambahbaikan mutu terjemahan teks al-Quran dalam bahasa Melayu dan membuka ruang kepada penghasilan terjemahan yang lebih sejajar dengan maksud asal.

Kata kunci: *Wāw al-Ḥāl, Arab, Nahu, Melayu, Bahasa.*

PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan kalamullah yang diturunkan dalam bahasa Arab, dan pemahaman terhadap struktur linguistiknya amat penting untuk mentafsirkan maksud ayat dengan tepat. Salah satu elemen tatabahasa Arab yang memberi kesan langsung kepada pemahaman ayat ialah wāw al-ḥāl, iaitu huruf wāw yang digunakan untuk memperkenalkan ḥāl; keterangan yang menjelaskan keadaan yang menyertai subjek atau objek ketika sesuatu perbuatan berlaku. Dalam konteks nahu Arab, ḥāl membawa makna yang bersifat tambahan dan deskriptif, namun tetap menjadi unsur penting dalam menjelaskan suasana atau keadaan dalam ayat (Ibn 'Aqīl, 1980).

Apabila al-Quran diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, cabaran utama yang dihadapi ialah ketidaksesuaian struktur nahu antara kedua-dua bahasa. Bahasa Melayu tidak memiliki struktur yang setara secara langsung seperti dalam bahasa Arab (Abd Rahman, 2016). Tambahan pula, setiap leksikal sinonim dalam bahasa Arab amat spesifik dan mempunyai makna semantik yang khusus (Al-Sowaidi, 2011; Hassan, 2014; Nouredin & Sabariah, 2015 dan Abdul-Qadeer Khaleel et al., 2019) dalam Salleh & Ahmad (2021). Bahkan terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan sarjana nahu Arab terhadap sesuatu makna ḥarf al-Ma'nā antaranya ḥarf al-Lām (Mohammad et al., 2017). Hasilnya, penterjemah perlu memilih pendekatan sama ada untuk mengekalkan makna secara eksplisit, menyampaikan maksud secara tersirat, atau menggugurkan unsur tersebut jika dirasakan tidak memberi kesan besar kepada pemahaman. Perbezaan pendekatan ini menimbulkan persoalan tentang tahap kesepadanan penterjemahan terhadap maksud asal al-Quran, terutamanya dalam ayat-ayat yang mengandungi wāw al-ḥāl.

Kajian ini dijalankan untuk meneliti bagaimana wāw al-ḥāl diterjemahkan dalam tiga karya terjemahan al-Quran berbahasa Melayu yang berpengaruh, iaitu Tafsir Pimpinan al-Raḥmān kepada Pengertian al-Quran oleh Sheikh Abdullah Basmeih, terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Terjemahan al-Quran Mukhtaṣar al-Bayān, terbitan Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan Tafsir Yusoff Zaki Yacob, terjemahan Tafsīr fi Zilāl al-Qurān. Kajian ini juga bertujuan menilai sejauh mana pendekatan terjemahan yang digunakan dapat menyampaikan makna ḥāl secara tepat kepada pembaca yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, serta implikasinya terhadap kefahaman teks al-Quran secara keseluruhan.

SOROTAN LITERATUR

Dalam nahu Arab, wāw al-ḥāl merupakan satu bentuk partikel yang memperkenalkan ḥāl, iaitu keterangan keadaan yang menerangkan suasana subjek atau objek ketika sesuatu perbuatan berlaku. Elemen ini telah dihuraikan secara mendalam oleh sarjana nahu Arab

seperti al-Raḍī (w. 406H) dalam Sharḥ Kāfiyah Ibn al-Ḥāḥib (al-Raḍī, 1993), al-Jurjānī (w. 471H) dalam karyanya Dalā'il al-I'jāz fi 'Ilm al-Ma'ānī (al-Jurjānī, 1992), Ibn Hishām (w. 761H) dalam Mughnī al-Labīb (Ibn Hishām, 1985) dan al-Suyūṭī (w. 911H) dalam Ham' al-Hawāmi' (al-Suyūṭī, 1998) yang menegaskan bahawa ḥāl bukan sahaja menyumbang kepada kejelasan makna tetapi juga memberikan nuansa kontekstual kepada ayat. Dalam nahu Arab, kehadiran wāw al-ḥāl tidak boleh ditafsirkan semata-mata sebagai penyambung “dan”, tetapi sebagai petanda bahawa suatu ḥāl sedang diperkenalkan.

Para sarjana nahu Arab mutaqqaddimīn menamakan wāw al-ḥāl sebagai wāw al-ibtidā'; kerana wāw al-ḥāl akan diletakkan sebelum subjek; muḥtadā' dalam beberapa keadaan dan dimaknai sebagai idh ḥālīyah atau dalam keadaan (fi ḥāl). Hal ini dapat dilihat pada perbincangan Sībawayh (w. 180H) ketika menjelaskan maksud ayat al-Quran:

﴿تَمَّ أَنْزَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ بَعْدِ الْغَمِّ أَمْنَةً نُوْعًا يَعْشَى طَائِفَةً مِنْكُمْ وَطَائِفَةٌ قَدْ أَهَمَّتْهُمْ أَنْفُسُهُمْ...﴾

Maksudnya: “Kemudian setelah kesedihan itu Allah menurunkan perasaan aman tenteram berupa rasa mengantuk yang menyelubungi segolongan kalian, sedangkan segolongan yang lain hanya mementingkan diri mereka sendiri...” (Ali 'Imran: 154).

Pada kalimah “ṭā'ifah” yang kedua, sebelumnya terdapat partikel wāw yang menunjukkan waktu ketika itu, yang dinamakan sebagai wāw al-ibtidā', bukan wāw 'aṭf (Sībawayh, 1988). Hal yang sama turut dinyatakan oleh al-Mubarrid (w. 285H) ketika menjelaskan ayat al-Quran yang sama dan mendatangkan contoh ayat:

"مَرَرْتُ بِزَيْدٍ وَعَمْرُو فِي الدَّارِ"

Maksudnya: “Saya berjalan di hadapan Zayd, sedangkan 'Amr di dalam rumah.”

Wāw yang terdapat sebelum kalimah “Amr” dinamakan oleh para sarjana nahu Arab sebagai wāw al-ibtidā' (al-Mubarrid, 1994). Ibn Hishām dalam Mughnī al-Labīb turut menyatakan wāw al-ḥāl dinamakan juga sebagai wāw al-ibtidā' dalam kalangan sarjana nahu Arab mutaqqaddimīn dan menyimpulkan wāw al-ḥāl, wāw al-ibtidā' dan wāw dengan makna idh sebagai jenis wāw yang sama (Ibn Hishām, 1985).

Dari segi konsep ilmu nahu Arab, wāw al-ḥāl boleh diletakkan dalam kedua-dua bentuk ayat bahasa Arab iaitu jumlah ismiyyah dan jumlah fi'liyyah yang menunjukkan keterangan sesuatu keadaan itu berlaku (Ibn Hishām, 2008). Justeru, wāw al-ḥāl berfungsi sebagai pengikat atau diistilah sebagai rābiṭ antara dua ayat; ayat sebelum wāw al-ḥāl dan ayat yang datang selepas wāw al-ḥāl (al-Suyūṭī, 1998). Ayat yang datang selepas wāw al-ḥāl dinamakan sebagai Jumlah Ḥāliyah (Ibn Hishām, 2008).

Beberapa kajian kontemporari dalam linguistik Arab turut mengangkat kepentingan wāw al-ḥāl dalam memahami struktur semantik dan pragmatik ayat al-Quran. Misalnya, kajian Al-Khuḍarī (2015) dan kajian al-Qurashī (2021) menyatakan bahawa wāw al-ḥāl berfungsi untuk memperkayakan mesej ayat dengan maklumat tambahan yang berfungsi sebagai latar konteks semasa atau berterusan terhadap perbuatan utama. Hal ini memperlihatkan bahawa ḥāl bukan sekadar unsur sampingan, tetapi merupakan sebahagian daripada struktur pemaknaan yang kompleks dalam ayat al-Quran. Wāw al-ḥāl turut disentuh dalam karya-karya tafsir kontemporari ketika membincangkan i'rāb sesuatu ayat al-Quran (Ibn 'Ashūr, 1984; Abū Ḥayyān, 1420H).

Dalam bidang terjemahan, banyak perbincangan telah diadakan berkaitan cabaran penterjemahan struktur nahu Arab yang tidak mempunyai padanan dalam bahasa sasaran. Menurut Nida dan Taber (1969), isu seperti ini termasuk dalam kategori kesulitan struktural (structural mismatch), yang menuntut penterjemah menggunakan pendekatan dinamik atau fungsional untuk menyampaikan makna sebenar. Dalam bidang terjemahan al-Quran, Abdul-Raof (2001) dalam Rosli et al. (2020) berpandangan bahawa teks al-Quran tidak dapat dihasilkan sepenuhnya melalui terjemahan, walaupun dengan padanan bahasa yang paling hampir dan kepakaran tinggi penterjemah dalam bidang tersebut. Di peringkat tempatan, kajian oleh Abd Rahman (2016) menekankan bahawa terjemahan al-Quran tidak

dapat dianggap sebagai salinan sepenuhnya setara dengan teks asal dari segi semua cirinya, sebaliknya ia hanyalah medium yang terbatas untuk memindahkan makna. Walaupun begitu, sebahagian makna tetap dapat disampaikan dengan berkesan melalui terjemahan tersebut.

Walaupun bagaimanapun, belum terdapat kajian mendalam yang secara khusus meneliti bagaimana wāw al-ḥāl diterjemahkan dalam pelbagai versi terjemahan al-Quran berbahasa Melayu. Sebahagian besar kajian masih tertumpu kepada aspek umum kesepadanan makna atau kesalahan terjemahan tanpa meneliti fungsi sintaksis dan semantik partikel tertentu seperti wāw al-ḥāl. Oleh itu, kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan menganalisis strategi penterjemahan yang digunakan dalam menyampaikan makna ḥāl, serta menilai sejauh mana strategi tersebut menepati prinsip nahu Arab dan memenuhi keperluan kefahaman pembaca.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis teks (*textual analysis*) yang memfokuskan kepada ayat-ayat al-Quran yang mengandungi unsur wāw al-ḥāl. Pemilihan kaedah ini adalah selaras dengan objektif kajian untuk meneliti secara mendalam kaedah dan strategi penterjemahan wāw al-ḥāl dalam terjemahan al-Quran berbahasa Melayu berdasarkan teori nahu Arab klasik.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini bersifat eksploratori dan deskriptif. Ia bertujuan mengenal pasti dan membandingkan pendekatan terjemahan wāw al-ḥāl dalam tiga karya utama, iaitu: Tafsir Pimpinan al-Raḥmān kepada Pengertian al-Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Terjemahan al-Quran Mukhtaṣar al-Bayān dan Tafsir al-Quran oleh Haji Yusoff Zaki. Pemilihan ketiga-tiga teks terjemahan ini adalah berdasarkan tahap penerimaan dan penggunaan meluas dalam kalangan pembaca dan pelajar al-Quran di Malaysia, serta perbezaan latar belakang institusi yang menghasilkan terjemahan tersebut.

Kaedah Pengumpulan Data

Data primer bagi kajian ini terdiri daripada ayat-ayat al-Quran yang mengandungi partikel wāw al-ḥāl, yang dikenalpasti melalui analisis nahu terhadap mushaf al-Quran dalam bahasa Arab. Pemilihan ayat dilakukan secara purposif berdasarkan ayat yang jelas mengandungi wāw al-ḥāl secara nahwī (mengikut kitab nahu rujukan). Sejumlah 20 ayat dikenal pasti dan dianalisis sebagai sampel kajian. Jadual 1 di bawah menjelaskan taburan ayat yang dipilih mengikut surah dalam al-Quran.

Jadual 1: Taburan Ayat al-Quran yang dikaji Mengikut Surah

Bil.	Surah	Ayat	Bilangan Ayat
1.	Al-Baqarah	30, 40, 44, 187, 216, 243, 259 & 267.	8
2.	Ālī 'Imrān	47, 98, 99, 102 & 154	5
3.	al-Nisā'	43	1
4.	al-An'ām	93, 101	2
5.	al-Anfāl	5, 20	2
6.	Yūsuf	14	1
7.	al-Naml	18	1
Jumlah Ayat			20

Kaedah Penganalisisan Data

Proses penganalisisan data melibatkan langkah-langkah berikut:

1. Pengenalpastian Struktur Nahu:

Setiap ayat yang mengandungi wāw al-ḥāl dianalisis berdasarkan struktur asal bahasa Arab, dengan rujukan kepada kitab nahu utama seperti Sharḥ Kāfiyah Ibn al-Ḥāḥib, Dalā'il al-I'jāz fī 'Ilm al-Ma'ānī, Mughnī al-Labīb dan Ham' al-Hawāmi'.

2. Perbandingan Terjemahan:
Terjemahan bagi setiap ayat dibandingkan antara ketiga-tiga teks tafsir Melayu untuk mengenal pasti bentuk terjemahan yang digunakan sama ada eksplisit (contoh: “sedangkan”, “ketika”), tersirat (makna disampaikan tanpa penanda), atau digugurkan.
3. Penilaian Strategi Terjemahan:
Setiap bentuk terjemahan dinilai berdasarkan keberkesanan dalam menyampaikan makna asal ḥāl, dengan mengambil kira prinsip kesetiaan (*faithfulness*) dalam teori terjemahan dan kefahaman konteks pembaca Melayu.
4. Kategorisasi dan Penemuan:
Data yang dianalisis dikategorikan kepada tiga strategi utama:
 - i. Terjemahan eksplisit
 - ii. Terjemahan tersirat
 - iii. Pengguguran makna ḥāl.

Frekuensi dan pola strategi ini kemudian diperhatikan untuk mengenal pasti kecenderungan dalam setiap teks.

Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan agar dapatan tidak dilihat terlalu umum.

Pertama, pemilihan data terhad kepada 20 ayat al-Quran yang mengandungi wāw al-ḥāl, dipilih secara purposif untuk tujuan analisis mendalam. Justeru, dapatan kajian ini tidak mencerminkan keseluruhan penggunaan wāw al-ḥāl dalam al-Quran yang jauh lebih meluas.

Kedua, analisis hanya menumpukan kepada tiga terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu, iaitu Tafsir Pimpinan al-Raḥmān, Terjemahan al-Quran Mukhtaṣar al-Bayān dan Tafsir Yusoff Zaki. Pemilihan ini dibuat berdasarkan penggunaan meluas ketiga-tiga teks tersebut dan diterbitkan oleh badan berautoriti agama di Malaysia iaitu JAKIM dan Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), namun tetap dibataskan skop kajian kerana tidak merangkumi terjemahan lain yang turut berpengaruh di Malaysia.

Ketiga, kajian yang dijalankan berasaskan pendekatan analisis kualitatif teks tanpa melibatkan kajian empirikal terhadap kefahaman atau penerimaan pembaca. Hal ini menyebabkan dapatan lebih bersifat deskriptif linguistik berbanding implikasi pedagogi atau praktikal.

Keempat, kajian ini berasaskan kepada kerangka teori nahu Arab klasik serta pendekatan semantik dan fungsional dalam terjemahan; oleh itu, tafsiran dapatan berkemungkinan berbeza sekiranya dinilai menggunakan teori terjemahan moden lain yang lebih menekankan aspek pragmatik atau sociolinguistik.

DAPATAN KAJIAN

Analisis terhadap 20 ayat al-Quran yang mengandungi wāw al-ḥāl menunjukkan bahawa ketiga-tiga karya terjemahan yang dikaji menggunakan pendekatan yang hampir sama dalam menyampaikan makna ḥāl iaitu menggunakan strategi penterjemahan eksplisit pada kebanyakan tempat. Strategi ini merujuk kepada penggunaan frasa-frasa tertentu dalam bahasa Melayu seperti “sedangkan”, “padahal”, “ketika”, “semasa”, atau “dalam keadaan” bagi menggambarkan unsur ḥāl secara langsung. Selain itu, kajian ini turut mendapati bahawa dalam sebahagian kecil ayat, unsur wāw al-ḥāl tidak diterjemahkan secara langsung atau digugurkan dalam sebahagian karya terjemahan yang dikaji. Jadual 2 di bawah

menunjukkan senarai ayat al-Quran yang mengandungi wāw al-hāl dan terjemahannya dalam ketiga-tiga karya terjemahan.

Jadual 2: Ayat al-Quran yang Mengandungi Wāw al-Hāl Beserta Terjemahannya

Bil.	Ayat al-Quran	Tafsir Pimpinan al-Rahmān	Terjemahan Muktaṣar al-Bayān	Tafsir Yusoff Zaki
1.	﴿قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ﴾ [البقرة: 30]	Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?"	"Adakah Engkau hendak menjadikan di atas muka bumi ini mereka yang sering melakukan kerosakan dan menumpahkan darah, sedangkan kami sentiasa bertasbih memuji-Mu dan menyucikan-Mu?"	Kata para malaikat : "Adakah Engkau hendak menjadikan dibumi makhluk yang akan melakukan kerosakan dan menumpahkan darah, sedangkan kami bertasbih memuji-Mu dan mentaqdiskan-Mu?"
2.	﴿فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ﴾ البقرة: ٤٠	Maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa)	Maka janganlah kamu menyekutukan Allah sedangkan kamu mengetahui tentang keesaan-Nya.	Oleh itu, janganlah kamu mengadakan tandingan-tandingan bagi Allah, sedangkan kamu mengetahui.
3.	﴿أَتَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْبِرِّ وَتَنْسَوْنَ أَنْفُسَكُمْ وَأَنْتُمْ تَتْلُونَ الْكِتَابَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ﴾ البقرة: ٤٤	Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal?	Janganlah kamu mencampur adukkan yang benar dengan yang batil, dan janganlah kamu sembunikan kebenaran, sedangkan mengetahui tentangnya.	Patutkah kamu menyuruh orang lain berbuat kebaikan dan kamu lupakan diri kamu sendiri, sedangkan kamu membaca kitab (Taurat), apakah tidak kamu terfikir
4.	﴿...يُمْ آَمُوا الصِّيَامَ إِلَى اللَّيْلِ وَلَا تُبَاشِرُوهُنَّ وَأَنْتُمْ	Kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga waktu malam (maghrib); dan janganlah kamu	kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga malam. Janganlah kamu mengadakan hubungan kelamin	kemudian sempurnakanla puasa itu sehingga malam dan janganlah kamu mengadakan

	<p>عَاكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ... ﴿١٨٧﴾ البقرة: ١٨٧</p>	<p>setubuhi isteri- isteri kamu ketika kamu sedang beriktikaf di masjid.</p>	<p>dengan isteri semasa kamu beriktikaf di dalam masjid.</p>	<p>hubungan kelamin dengan mereka dalam masa kamu ber'itikaf di dalam masjid</p>
5.	<p>﴿كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهُ لَكُمْ وَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ﴾ البقرة: ٢١٦</p>	<p>«Kamu diwajibkan berperang (untuk menentang pencerobohan) sedang peperangan itu ialah perkara yang kamu benci; dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu...</p>	<p>Kamu telah diwajibkan berperang sedangkan peperangan itu tidak kamu sukai. Boleh jadi sesuatu yang kamu bencikan itu lebih baik untuk kamu...</p>	<p>Kamu telah diwajibkan berperang, sedangkan peperangan ini tidak disukai kamu, (tetapi) boleh jadi sesuatu yang kamu bencikan itu lebih baik untuk kamu...</p>
6.	<p>﴿أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ خَرَجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَهُمْ أَلُوفٌ حَدَرَ الْمَوْتِ...﴾ البقرة: ٢٤٣</p>	<p>«Tidakkah engkau ketahui (wahi Muhammad) tentang orang- orang yang keluar (melarikan diri) dari kampung halamannya kerana takutkan mati, sedang mereka beribu- ribu ramainya?</p>	<p>Tidakkah kamu tahu wahi Muhammad perihal mereka yang keluar dari kampung halaman mereka kerana takutkan mati, sedang bilangan mereka beribu- ribu.</p>	<p>Apakah tidak engkau melihat kepada orang- orang yang telah keluar dari kampung halaman mereka, sedangkan bilangan mereka beribu-ribu orang kerana takut mati.</p>
7.	<p>﴿أَوْ كَالَّذِي مَرَّ عَلَى قَرْيَةٍ وَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَى عُرُوشِهَا...﴾ البقرة: ٢٥٩</p>	<p>«Atau (tidakkah engkau pelik memikirkan wahi Muhammad) tentang orang yang melalui sebuah negeri yang telah runtuh segala bangunannya...</p>	<p>Adakah engkau perhatikan juga kepada orang yang melalui sebuah negeri yang sudah runtuh segala bangunannya...</p>	<p>Atau (melihat) seperti orang yang melalui sebuah negeri, sedangkan segala bangunannya roboh belaka...</p>
8.	<p>﴿...وَلَا تَيَمَّمُوا الْحَبِيبَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِآخِذِيهِ إِلَّا أَنْ تُعْمِضُوا فِيهِ...﴾ البقرة: ٢٦٧</p>	<p>Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang</p>	<p>Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripada tanaman untuk kamu sedekahkan, sedangkan kamu sendiri tidak akan kecuali dengan memejamkan</p>	<p>Dan janganlah kamu sengaja mencari yang tidak baik dari hasil itu untuk kamu infaqkannya, sedangkan kamu sendiri tidak sudi mengambilnya melainkan kamu</p>

		buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya.	mata kerana berat hati	menurunkan harganya.
9.	﴿قَالَتْ رَبِّ أَنَّى يَكُونُ لِي وَلَدٌ وَمَا يَمْسَسُنِي بِشَرٍّ﴾ آل عمران: ٤٧	«Maryam berkata:" Wahai Tuhanku! Bagaimanakah aku akan beroleh seorang anak, padahal aku tidak pernah disentuh oleh seorang lelaki pun?."	Maryam berasa aneh dan berkata, "Wahai Tuhanku! Bagaimana mungkin aku akan mempunyai anak sedangkan aku tidak pernah disentuh oleh seorang lelaki pun?."	Ujar Maryam: Wahai Tuhanku! Bagaimanakah aku akan memperoehi anak, sedangkan aku tidak pernah disentuh oleh seorang lelaki pun?.
10.	﴿قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ شَهِيدٌ عَلَىٰ مَا تَعْمَلُونَ﴾ آل عمران: ٩٨	«Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Ahli Kitab! Mengapa kamu ingkarkan keterangan-keterangan Allah, padahal Allah sentiasa menyaksikan apa yang kamu lakukan?."	Katakanlah Muhammad! "Wahai ahli kitab! Mengapa kamu mengingkari ayat-ayat Allah, sedangkan Allah sentiasa menyaksikan apa yang kamu kerjakan."	Katakanlah : wahai Ahli-kitab mengapakah kamu ingkarkan ayat-ayat Allah, sedangkan Allah menyaksikan segala apa yang dilakukan kamu.
11.	﴿قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ مَن آمَنَ تَبِعُونَهَا عَوجًا وَأَنتُمْ شُهَدَاءُ﴾ آل عمران: ٩٩	«Katakanlah: "Wahai Ahli Kitab! Mengapa kamu menghalangi orang-orang yang beriman daripada menurut jalan jalan (ugama Islam), kamu hendak menjadikan jalan Allah itu bengkok terpesong, padahal kamu menyaksikan (kebenarannya)?."	Katakanlah juga, "Wahai ahli kitab! Mengapa kamu menghalang orang beriman daripada mengikuti jalan Allah, dengan maksud menjadikan jalan Allah itu bengkok-bengkok, sedangkan kamulah saksi atas kebenaran Islam."	Katakanlah : wahai ahliil-kitab ! Mengapakah kamu menghalang mereka yang beriman dari jalan Allah kerana kamu hendak menjadikannya jalan yang bengkok sedangkan kamu sekalian saksi-saksi yang mengetahui?.
12.	﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ﴾	"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali	Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, dan jangan sekali-kali kamu mati	Wahai orang-orang yang beriman ! Bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwanya dan janganlah

	آل عمران: ١٠٢	kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.”	melainkan sebagai Muslim.	kamu mati melainkan kamu dalam keadaan muslim.
13.	<p>﴿ثُمَّ أَنْزَلَ عَلَيْكُم مِّن بَعْدِ الْغَمِّ أَمَنَةً نُّعَاسًا يَغْشَى طَائِفَةً مِّنْكُمْ وَطَائِفَةٌ قَدْ أَهَمَّتْهُمْ أَنفُسُهُمْ يَظُنُّونَ بِاللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ ظَنَّ الْجَاهِلِيَّةِ﴾</p> <p>آل عمران: ١٥٤</p>	<p>Kemudian sesudah (kamu mengalami kejadian) yang mendukacitakan itu, Allah menurunkan kepada kamu perasaan aman tenteram, iaitu rasa mengantuk yang meliputi segolongan dari kamu (yang teguh imannya lagi ikhlas), sedang segolongan yang lain yang hanya mementingkan diri sendiri, menyangka terhadap Allah dengan sangkaan yang tidak benar, seperti sangkaan orang-orang jahiliyah.</p>	<p>Kemudian setelah kesedihan itu Allah menurunkan perasaan aman tenteram berupa rasa mengantuk yang menyelubungi segolongan daripada kamu, sedangkan segolongan yang lain hanya mementingkan diri mereka sendiri dan bersangka terhadap Allah dengan sangkaan yang tidak benar, sama seperti sangkaan orang jahiliyah.</p>	<p>Kemudian selepas kesedihan itu Allah menurunkan ke atas kamu keadaan aman, iaitu keadaan mengantuk yang menyelubungi segolongan dari kamu, sedangkan segolongan lagi mementingkan keselamatan diri mereka sahaja. Mereka menaruh sangkaan yang tidak benar terhadap Allah, iaitu sangkaan jahiliyah.</p>
14.	<p>﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْرَبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَارَىٰ﴾</p> <p>النساء: ٤٣</p>	<p>«Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri sembahyang (mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk.</p>	<p>Wahai orang yang beriman, janganlah kamu mengerjakan solat dalam keadaan mabuk.</p>	<p>Wahai orang-orang beriman, janganlah kamu hampiri (mengerjakan) solat sedangkan kamu dalam keadaan mabuk.</p>
15.	<p>﴿وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ قَالَ أُوحِيَ إِلَيَّ وَلَمْ يُوحَ إِلَيْهِ شَيْءٌ...﴾</p> <p>الأنعام: ٩٣</p>	<p>Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang mereka-reka perkara yang dusta terhadap Allah, atau orang yang berkata: "Telah diberi wahyu kepadaku", padahal tidak diberikan sesuatu</p>	<p>Siapakah yang lebih zalim daripada orang yang melakukan pendustaan terhadap Allah atau orang yang berkata, "Telah diwahyukan kepadaku," padahal tidak diwahyukan</p>	<p>Dan siapakah yang lebih zalim dari orang yang telah membuat pembohongan terhadap Allah atau berkata: Aku telah diberi wahyu, sedangkan ia tidak pernah diberi sesuatu wahyu kepadanya.</p>

		wahyupun kepadanya.	sesuatu kepadanya.	
16.	﴿بَدِيعَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ أَتَىٰ يَكُونُ لَهُ وَلَدٌ وَمَآ تَكُنْ لَهُ صَحْبَةً وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ الأنعام: ١٠١﴾	(Dia lah) yang menciptakan langit dan bumi. Bagaimanakah Ia mempunyai anak sedang Ia tidak mempunyai isteri? Ia pula yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dia lah Yang Maha Mengetahui akan segala-galanya.	Dia yang menciptakan langit dan bumi. Bagaimana mungkin Dia mempunyai anak sedangkan Dia tidak mempunyai isteri? Dia yang menciptakan segala sesuatu dan Dia Maha Mengetahui segala-galanya.	Dia adalah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi. Bagaimana mungkin Dia mempunyai anak, sedangkan Dia tidak mempunyai isteri? Dialah yang telah menciptakan segala sesuatu dan Dialah Yang Maha Mengetahui segala sesuatu.
17.	﴿كَمَا أَخْرَجَكَ رَبُّكَ مِن بَيْتِكَ بِالْحَقِّ وَإِنَّ فَرِيقًا مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ لَكَارِهُونَ الأنفال: ٥﴾	Sebagaimana (harta rampasan perang ditentukan pembahagiannya dengan kebenaran, maka) Tuhanmu (wahai Muhammad) mengeluarkanmu dari rumahmu (untuk pergi berperang) dengan kebenaran juga, sedang sebahagian dari orang-orang yang beriman itu (sebenarnya) tidak suka (turut berjuang).	Sebagaimana harta rampasan perang ditentukan pembahagiannya dengan kebenaran, maka begitu juga kehidupanmu wahai Muhammad ditentukan dengan kebenaran oleh Tuhanmu; dengan mengeluarkanmu dari rumahmu untuk pergi berperang. Sedangkan masih ada sebahagian daripada orang yang beriman itu sebenarnya mereka tidak suka turut berjuang.	(semua peristiwa yang berlaku itu adalah dengan perintah Allah) sama seperti peristiwa Tuhanmu yang telah mengeluarkanmu dari sunnahmu (di Madinah menuju ke Badar) dengan perintah yang benar, sedangkan sebahagian dari Para Mu'minin tidak bersetuju.
18.	﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَوَلَّوْا عَنَّهُ وَأَنْتُمْ تَسْمَعُونَ الأنفال: ٢٠﴾	Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kepada Allah dan RasulNya dan janganlah kamu berpaling daripadanya, sedang kamu mendengar (Al-Quran yang mewajibkan taatnya).	Wahai orang yang beriman! Taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berpaling daripada-Nya, sedangkan kamu mendengar ayat-ayat al-Quran yang dibacakan kepadamu.	Wahai orang-orang yang beriman! Ta'atlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berpaling dari-Nya sedangkan kamu mendengar perintah-Nya.

19.	<p>﴿قَالُوا لَئِن آكَلَهُ الذِّبُّ وَنَحْنُ عُصْبَةٌ إِنَّا إِذَا لِحَاسِرُونَ﴾ يوسف: ١٤</p>	<p>«Mereka berkata: “Kalau dia dimakan oleh serigala, sedang kami ramai bilangannya, sesungguhnya kami sudah tentu menjadilah orang-orang yang rugi.”</p>	<p>Mereka menjawab, “Seandainya dia dimakan serigala sedangkan bilangan kami yang ramai, nescaya kami adalah orang yang tidak berguna kerana tidak mampu menghalang perkara tersebut.”</p>	<p>Mereka berkata: Seandainya dia dimakan serigala, sedangkan kami sekumpulan yang ramai tentulah kami ini benar-benar orang-orang yang rugi (tidak berguna).</p>
20.	<p>﴿حَتَّىٰ إِذَا أَتَوْا عَلَىٰ وَادِ النَّمْلِ قَالَتْ مَمْلَةٌ يَا أَيُّهَا النَّمْلُ ادْخُلُوا مَسَاكِنَكُمْ لَا يَحْطَمَنَّكُمْ سُلَيْمَانُ وَجُنُودُهُ وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ﴾ النمل: ١٨</p>	<p>«(Maralah angkatan itu) hingga apabila mereka sampai ke “Waadin-Naml”, berkatalah seekor semut: “Wahai sekalian semut, masuklah ke sarang kamu masing-masing, jangan Sulaiman dan tenteranya memijak serta membinasakan kamu, sedang mereka tidak menyedari.”</p>	<p>Sehinggalah bala tentera itu berjalan sampai ke suatu tempat bernama lembah semut, lalu berkatalah seekor semut, “Wahai sekalian semut, masuklah ke rumah-rumah kamu, janganlah sampai Sulaiman dan tenteranya memijak dan membinasakan kamu sedang mereka tidak sedar kewujudan kamu.</p>	<p>Sehingga apabila mereka tiba di lembah semut berkatalah seekor semut: Wahai sekalian semut! Masuklah ke sarang kamu masing-masing supaya kamu tidak dipijak Sulaiman dan bala tenteranya, sedangkan mereka tidak sedar.</p>

Perbandingan Terjemahan Wāw al-Ḥāl dalam Tiga Teks Terjemahan al-Quran

Walaupun terjemahan wāw al-ḥāl dalam ketiga-tiga karya terjemahan yang dikaji menggunakan pendekatan yang hampir sama dalam menyampaikan makna ḥāl dengan menggunakan strategi penterjemahan eksplisit, terdapat sedikit perbezaan dari segi penggunaan perkataan dalam menterjemah dan terdapat juga pada beberapa tempat tidak diterjemahkan wāw al-ḥāl. Jadual 3 di bawah menunjukkan perbandingan perkataan yang digunakan untuk menterjemah wāw al-ḥāl.

Jadual 3: Perbandingan Terjemahan Wāw al- al-Ḥāl dalam Tiga Teks Terjemahan

Bil.	Surah	No. Ayat	Frasa Ayat	Terjemahan Wāw al-Ḥāl		
				Tafsir Pimpinan al-Rahman	Terjemahan Muktasar al-Bayan	Tafsir Yusoff Zaki
1.	al-Baqarah	30	وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ	padahal	sedangkan	sedangkan
2.		40	وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ	padahal	sedangkan	sedangkan

3.		44	وَأَنْتُمْ تَتْلُونَ الْكِتَابَ	padahal	sedangkan	sedangkan
4.		187	وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ	ketika kamu sedang	semasa	dalam masa
5.		216	كَزَّةٍ لَكُمْ وَهُوَ	sedang	sedangkan	sedangkan
			وَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ	padahal	-	-
6.		243	وَهُمْ أُلُوفٌ	sedang	sedang	sedangkan
7.		259	وَهِيَ خَاوِيَةٌ	-	-	sedangkan
8.		267	وَلَسْتُمْ بِأَخِيهِ	padahal	sedangkan	sedangkan
9.	Ālī 'Imrān	47	وَلَمْ يَمَسِّنِي بَشَرٌ	padahal	sedangkan	sedangkan
10.		98	وَاللَّهُ شَهِيدٌ	padahal	sedangkan	sedangkan
11.		99	وَأَنْتُمْ شُهَدَاءُ	padahal	sedangkan	sedangkan
12.		102	وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ	dalam keadaan	sebagai	dalam keadaan
13.		154	وَطَائِفَةٌ	sedang	sedangkan	sedangkan
14.	al-Nisā'	43	وَأَنْتُمْ سُكَارَى	sedang kamu dalam keadaan	dalam keadaan	sedangkan kamu dalam keadaan
15.	al-An'ām	93	وَلَمْ يُوحِ إِلَيْهِ شَيْءٌ	padahal	padahal	sedangkan
16.		101	وَلَمْ تَكُنْ لَهُ صُحْبَةٌ	sedang	sedangkan	sedangkan
17.	al-Anfāl	5	وَإِنَّ فَرِيقًا	sedang	sedangkan	sedangkan
18.		20	وَأَنْتُمْ تَسْمَعُونَ	sedang	sedangkan	sedangkan
19.	Yūsuf	14	وَوَحْنٌ عُصْبَةٌ	sedang	sedangkan	sedangkan
20.	al-Naml	18	وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ	sedang	sedang	sedangkan

Kekerapan Perkataan untuk Terjemahan Wāw al- al-Ḥāl

Perkataan yang digunakan untuk menterjemah wāw al-ḥāl dalam tiga karya terjemahan al-Quran yang dikaji ini ialah “padahal”, “sedangkan”, “sedang”, “ketika...sedang”, “semasa”, “dalam masa”, “dalam keadaan”, “sebagai” dan “sedang/sedangkan...dalam keadaan”. Jadual

4 di bawah menunjukkan kekerapan perkataan yang digunakan untuk menterjemah wāw al-ḥāl dalam ketiga-tiga terjemahan al-Quran ini.

Jadual 4: Kekerapan Perkataan untuk Terjemahan Wāw al-Ḥāl

Bil.	Perkataan	Tafsir Pimpinan al-Raḥmān	Terjemahan Muktaṣar al-Bayān	Tafsir Yusoff Zaki	Jumlah
1.	Padahal	9	1	0	10
2.	Sedangkan	0	13	17	30
3.	Sedang	8	2	0	10
4.	Ketika...sedang	1	0	0	1
5.	Semasa	0	1	0	1
6.	Dalam masa	0	0	1	1
7.	Dalam keadaan	1	0	1	2
8.	Sebagai	0	1	0	1
9.	Sedang/Sedangkan. ..dalam keadaan	1	0	1	2

PERBINCANGAN

Analisis terhadap ayat-ayat al-Quran yang mengandungi unsur wāw al-ḥāl dalam tiga karya terjemahan al-Quran menunjukkan bahawa terdapat pendekatan yang hampir sama dalam strategi penterjemahan yang digunakan. Ketiga-tiga tafsir yang dikaji, Tafsir Pimpinan al-Raḥmān, Terjemahan Muktaṣar al-Bayān, dan Tafsir Yusoff Zaki menggambarkan pendekatan yang hampir sama dalam menyampaikan fungsi semantik wāw al-ḥāl.

Secara umum, ketiga-tiga karya terjemahan menunjukkan kecenderungan yang kuat terhadap penterjemahan eksplisit, iaitu dengan penggunaan penanda seperti “sedangkan”, “padahal”, atau “dalam keadaan” bagi menyampaikan maksud ḥāl. Contohnya dalam surah al-Baqarah, ayat 40 (وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ), Tafsir Pimpinan al-Raḥmān menterjemahkannya sebagai “padahal kamu semua mengetahui”, manakala Terjemahan Muktaṣar al-Bayān dan Tafsir Yusoff Zaki menterjemahkannya sebagai “sedangkan kamu mengetahui”. Terjemahan ini menunjukkan kejelasan dalam membawa makna keadaan yang menyertai larangan sebelumnya. Begitu juga dengan ayat-ayat lain seperti dalam surah al-Baqarah, ayat 30, 44, 243 dan 267, surah Ālī ‘Imrān, ayat 47, 98, 99 dan 154, surah al-An‘ām, ayat 93 dan 101, surah al-Anfāl, ayat 5 dan 20, surah Yūsuf, ayat 14 dan surah al-Naml, ayat 18, yang diterjemahkan dengan penanda keadaan yang konsisten.

Dalam penggunaan penanda keadaan, Tafsir Pimpinan al-Raḥmān lebih kerap menggunakan perkataan “padahal” di sembilan (9) tempat, diikuti perkataan “sedang” di lapan (8) tempat, kemudian menggunakan frasa “ketika kamu sedang”, “dalam keadaan” dan “sedang kamu dalam keadaan”, masing-masing di satu (1) tempat sahaja. Terjemahan Muktaṣar al-Bayān pula lebih kerap menggunakan perkataan “sedangkan” sebanyak 13 tempat, diikuti perkataan “sedang” di dua (2) tempat, selebihnya menggunakan perkataan “padahal”, “semasa”, dan “sebagai”, masing-masing di satu (1) tempat sahaja. Tafsir Yusoff Zaki pula lebih banyak menggunakan perkataan “sedangkan” di 17 tempat, manakala bakinya tafsir ini menggunakan frasa “dalam masa”, “dalam keadaan” dan “sedangkan kamu dalam keadaan”, masing-masing di satu (1) tempat sahaja.

Kajian ini turut mendapati bahawa dalam beberapa tempat, unsur wāw al-ḥāl tidak diterjemahkan secara langsung atau digugurkan dalam sebahagian karya terjemahan yang dikaji. Misalnya, dalam surah al-Baqarah, ayat 216, (وَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ), kajian mendapati Terjemahan Muktaṣar al-Bayān dan Tafsir Yusoff Zaki tidak menterjemahkan wāw al-ḥāl dengan penanda keadaan. Hal ini berkemungkinan kerana wāw al-ḥāl telah diterjemahkan

dengan penanda keadaan pada frasa sebelumnya dalam ayat yang sama, iaitu frasa “*وَهُوَ كُرَّةٌ لَكُمْ*”, maka *wāw al-ḥāl* yang kedua tidak diterjemahkan lagi. Tafsir Pimpinan al-Raḥmān pula lebih konsisten menterjemahkan *wāw al-ḥāl* yang kedua dengan perkataan “padahal” walaupun telah menterjemahkan *wāw al-ḥāl* yang pertama dengan perkataan “sedang”.

Unsur *wāw al-ḥāl* juga tidak diterjemahkan secara langsung atau digugurkan pada ayat 259 dalam surah al-Baqarah (*وَهِيَ خَاطِيَةٌ*), kajian mendapati antara tiga karya terjemahan yang dikaji, hanya Tafsir Yusoff Zaki yang menggunakan penanda keadaan untuk menterjemahkan *wāw al-ḥāl* iaitu dengan menggunakan perkataan “sedangkan”, manakala Tafsir Pimpinan al-Raḥmān dan Terjemahan Muktaṣar al-Bayān tidak menterjemahkan *wāw al-ḥāl* dengan penanda keadaan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan yang diambil oleh penterjemah dalam menyampaikan unsur *wāw al-ḥāl* dalam al-Quran adalah hampir sama dari segi tahap kejelasan, kesetiaan terhadap struktur nahu Arab, dan kesesuaian konteks pembaca sasaran. Persamaan ini menimbulkan beberapa implikasi penting dari sudut teori nahu Arab dan prinsip terjemahan al-Quran.

Kesetiaan Terhadap Struktur Nahu Arab

Dari sudut teori nahu Arab, *wāw al-ḥāl* memainkan peranan khusus dalam memperkenalkan unsur *ḥāl* yang menjelaskan keadaan subjek atau objek ketika sesuatu perbuatan berlaku. Oleh itu, penterjemahan yang mengabaikan unsur ini berpotensi menjejaskan kefahaman konteks peristiwa dalam ayat. Dalam hal ini, ketiga-tiga karya terjemahan al-Quran dilihat berusaha mengekalkan struktur asal bahasa Arab dengan menggunakan penanda seperti “padahal”, “sedangkan”, “dalam keadaan”, atau “ketika”. Pendekatan ini mencerminkan kesedaran terhadap fungsi sintaksis *ḥāl* dalam ayat dan sejajar dengan prinsip *faithful translation* dalam teori penterjemahan, yang menekankan pemindahan makna secara tepat berdasarkan struktur asal.

Keluwesannya dalam Penyesuaian Makna

Pendekatan tersirat atau pengguguran elemen *ḥāl* boleh dianggap sah dari sudut keperluan menyesuaikan teks kepada struktur bahasa Melayu, namun, ia turut menimbulkan persoalan tentang kehilangan maklumat semantik yang penting. Ini sejajar dengan pandangan teori *dynamic equivalence* oleh Nida (2001), yang membenarkan penyesuaian bentuk demi kefahaman pembaca, namun tetap menuntut pemindahan fungsi makna yang setara. Apabila unsur *ḥāl* tidak ditampilkan atau digugurkan, pembaca mungkin kehilangan maklumat latar yang penting bagi memahami tindakan atau respons dalam ayat.

Keseimbangan antara Ketepatan dan Kefahaman

Perbezaan dalam pendekatan terjemahan memperlihatkan wujudnya percanggahan antara keperluan mengekalkan struktur nahu Arab dan keperluan menyampaikan makna dalam bahasa Melayu yang mudah difahami. Di sinilah terletak cabaran utama penterjemahan al-Quran. Terjemahan yang terlalu literal mungkin membawa kepada ayat yang canggung atau sukar difahami oleh pembaca awam, manakala terjemahan yang terlalu bebas pula berisiko menyimpang daripada maksud asal. Penterjemah perlu memahami bahawa *ḥāl* bukan sekadar pelengkap ayat, tetapi berfungsi memberikan nuansa konteks yang penting sama ada dari segi masa, suasana, atau kedudukan yang boleh mempengaruhi makna keseluruhan. Justeru, keseimbangan antara ketepatan linguistik dan kefahaman semantik perlu dipertimbangkan secara serius.

Implikasi Terhadap Terjemahan al-Quran

Perbincangan ini memperlihatkan bahawa kajian terhadap elemen nahu seperti *wāw al-ḥāl* boleh membantu membuka ruang baharu dalam kajian terjemahan al-Quran, terutamanya

dalam aspek mikro-linguistik. Kajian ini juga menunjukkan keperluan kepada penterjemah al-Quran untuk memiliki asas kukuh dalam ilmu nahu dan memahami fungsi struktur Arab agar tidak sekadar menterjemah secara harfiah, tetapi mampu mengekalkan makna dalam konteks budaya dan linguistik bahasa sasaran.

Implikasi Terhadap Akidah dan Tafsir

Selain implikasi linguistik, penterjemahan wāw al-ḥāl turut membawa kesan terhadap akidah dan tafsir yang signifikan. Penterjemahan yang konsisten memastikan mesej akidah, perintah dan larangan dalam al-Quran disampaikan dengan tepat; sebaliknya pengabaian terhadap unsur ini boleh melemahkan penegasan syar'i seperti larangan syirik dalam al-Quran melalui firman Allah Taala:

﴿فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: "...Maka janganlah kalian mengadakan sembahhan-sembahhan lain bagi Allah padahal kalian mengetahui" (al-Qran. al-Baqarah: 22).

Penggunaan penanda keadaan seperti "sedangkan" atau "padahal" memperlihatkan unsur celaan Allah terhadap golongan yang masih melakukan perbuatan syirik dalam keadaan mereka mengetahui kebenaran (al-Ṭabarī, 2001; al-Zamakhsharī, manakala terjemahan tanpa penanda seperti "dan kalian mengetahui" hanya menyampaikan fakta tanpa dimensi celaan. Justeru, penggunaan penanda keadaan dalam terjemahan al-Quran bahasa Melayu berperanan sebagai jambatan yang memelihara keseimbangan antara kesetiaan terhadap struktur nahu Arab dan kejelasan makna kepada pembaca sasaran.

PENUTUP

Kajian ini telah meneliti penggunaan wāw al-ḥāl dalam al-Quran dan cara ia diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu melalui tiga teks utama: Tafsir Pimpinan al-Rahman, Terjemahan al-Quran Mukhtaṣar al-Bayān, dan Tafsir Yusoff Zaki. Analisis menunjukkan terdapat persamaan dalam strategi penterjemahan yang digunakan oleh setiap teks, khususnya dari segi tahap kejelasan (eksplisit atau tersirat) dan kesetiaan terhadap struktur nahu Arab. Kajian ini menegaskan kepentingan memahami fungsi semantik dan sintaksis ḥāl dalam teks Arab agar penterjemahan al-Quran tidak hanya bersifat literal, tetapi menyampaikan keseluruhan maksud dan nuansa yang terkandung dalam teks wahyu.

Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan dapatan ini, beberapa cadangan dikemukakan bagi memperluas ruang penyelidikan dalam bidang terjemahan al-Quran dari sudut linguistik:

1. Analisis elemen nahu lain dalam terjemahan:

Kajian susulan boleh meneliti bagaimana elemen lain dalam nahu Arab seperti *istithnā'* (pengecualian), *badal* (ganti), atau jumlah *i'tirāḍiyyah* (ayat selingan) diterjemahkan dalam teks-teks al-Quran Melayu, untuk melihat konsistensi pendekatan penterjemahan.

2. Perbandingan dengan terjemahan bahasa asing lain:

Kajian bandingan antara terjemahan Melayu dan terjemahan dalam bahasa Inggeris, Indonesia atau bahasa lain boleh dilakukan bagi menilai sejauh mana pendekatan linguistik yang digunakan berbeza mengikut latar budaya dan bahasa sasaran.

3. Kajian terhadap kefahaman pembaca:

Satu kajian lapangan yang melibatkan pembaca umum atau pelajar pengajian Islam boleh dijalankan untuk menilai sejauh mana penterjemahan waw al-ḥāl memberi kesan terhadap kefahaman mereka terhadap ayat-ayat al-Quran.

4. Penghasilan panduan terjemahan nahu:

Kajian ini juga membuka ruang untuk menghasilkan panduan atau manual penterjemahan al-Quran berdasarkan pendekatan nahu Arab yang terperinci, agar penterjemah pada masa akan datang dapat merujuk kerangka yang lebih sistematik dan tepat.

PENGHARGAAN

Para penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) atas peruntukan yang diberikan kepada Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), yang telah membantu melancarkan pelaksanaan kajian ini. Para penulis juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Barisan Pengurusan UniSIRAJ atas sokongan dan bimbingan yang tidak ternilai dalam menggalakkan warga akademik mempertingkatkan penulisan ilmiah.

RUJUKAN

- Abd Rahman, A. K. (2016). Perbezaan status terjemahan al-Quran berbanding dengan teks asalnya dari perspektif pengkajian terjemahan moden. *Jurnal Penterjemah*, 19(2), 19-39.
- Abdul-Qadeer K. A.-G, Norsimah, M. A, Intan, S. Z. & Ashinida, A. (2019). The Interplay of Qur'anic Synonymy and Polysemy with Special Reference to al-Asfār and al-Kutub (the Books) and their English Translations. *3L: Language, Linguistics, Literature*, 25(1): 129-143.
- Abdul-Raof, H. (2001). *Qur'an Translation: Discourse, Texture and Exegesis*. Routledge, London. <https://doi.org/10.4324/9780203036990>.
- Abū Ḥayyān, M. Y. (1420H). *al-Baḥr al-Muḥiṭ fī al-Tafsīr*. Dār al-Fikr, Beirut.
- Al-Jurjānī, A. Q. (1992). *Dalā'il al-I'jāz fī 'Ilm al-Ma'ānī* (edisi 3). Maṭba'ah al-Madanī, Kaherah.
- Al-Khuḍarī, M. A. (2015). *Al-Wāw wa Mawāqī'uhā fī al-Naẓm al-Qur'ānī*. Maktabah al-Wahbah, Kaherah.
- Al-Mubarrid, M. Y. (1994). *al-Muqtaḍab*. Wizārah al-Awqāf, al-Majlis al-A'lā li al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, Lajnah Iḥyā' al-Turāth al-Islāmī, Kaherah.
- Al-Qurashī, A. A. (2021). *Ḥurūf al-Ma'ānī al-latī Yaḥtāj Ilayhā al-Mufasssīr, Dalālatuhā wa Atharuhā fī al-Tafsīr*. Terbitan Tafsir Center for Qur'anic Studies. Dār al-Qhauthānī li al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah, Riyadh.
- Al-Raḍī, M. H. (1993). *Sharḥ al-Raḍī li Kāfiyah Ibn al-Ḥājib*. Hijr, Giza.
- Al-Sowaidi, B. S. A. (2011). *Textuality In Near-Synonyms Translations of the Holy Quran*. University of the Western Cape.
- Al-Suyūṭī, A. A. (1998). *Ham' al-Hawāmi' fī Sharḥ Jam' al-Jawāmi'*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ṭabarī, M. J. (2001). *Tafsīr al- Ṭabarī Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'an* (edisi 1). Dār Hijr, Kaherah.
- Al-Zamakhsharī, M. 'A. (1407H). *al-Kashshāf 'an Ḥaqā'iq Ghawāmiḍ al-Tanzīl* (edisi 3). Dār al-Kitāb al-'Arabī, Beirut.
- Basmeih, A. M. (2013). *Tafsir Pimpinan al-Raḥmān Kepadaā Pengertian al-Quran*. Cet. 20. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Pusat Islam Malaysia. Selangor: Darul Fikr Sdn. Bhd.
- Hassan, A. E-S. (2014). Readdressing the Translation of Near Synonymy in the Glorious Qur'an. *European Scientific Journal*10(8): 165-191.
- Ibn 'Aqīl, A. A. (1980). *Sharḥ Ibn 'Aqīl 'alā Alfīyah Ibn Mālik*. Dār al-Turāth, Kaherah.
- Ibn 'Āshūr, M. al-Ṭ. (1984). *al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. al-Dār al-Tūnisiyyah li al-Nashr, Tunisia.
- Ibn Hishām, A. Y. (1985). *Mughnī al-Labīb 'an Kutub al-A'ārīb*. Dār al-Fikr, Damsyik.
- Ibn Hishām, A. Y. (2008). *Auḍaḥ al-Masālik ilā Alfīyah Ibn Mālik*. Dār al-Mughnī, Riyadh.
- Mohammad, W. M., Ahmad, M., Zainal, H., & Abd Rahman, L. (2017). Meanings of Particle al-Lam al-Jarrah: Analysing the Differences Between Irtishaf al-Darab min Lisan al-'Arab

and Mughni al-Labib 'an Kutub al-A'arib. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 8(1), 44-55.

Nida, E. A. & Taber, C. R. (1969). *The Theory and Practice of Translation*. Leiden: E. J. Brill.

Nida, E. A. (2001). Dynamic equivalence in translating. *An Encyclopedia of Translation. Chinese-English. English-Chinese*, 223-230.

Noureldin, M. A. & Sabariah, M. R. (2015). Semantic Loss in the Holy Quran Translation with Special Reference to Surah Al-Waqiah, (Chapter of The Event Inevitable). SAGE Open, 1-10.

Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). (2021). *Terjemahan al-Quran Mukhtasar al-Bayān*. Ultimate Print Sdn. Bhd., Shah Alam.

Rosli, M., Abdullah, N. & Abd. Rahman, L. (2020). I'jāz al-Quran dan Konsep Kesepadanan dalam Terjemahan: Penelitian dari Pandangan Sarjana Barat dan Muslim. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7(1), 80-88.

Salleh, H. M., & Ahmad, M. (2021). Tinjauan Literatur Penterjemahan Sinonim dalam al-Quran [Literature Review of Translation of Synonyms in The Quran]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 4(2), 141-150.

Sibawayh, A. U. (1988). *Al-Kitāb* (edisi 3). Maktabah al-Khanjī, Kaherah.

Yusoff Zaky, H. Y. (2000). *Tafsīr fī Zilāl al-Quran: Di Bawah Bayangan al-Quran*. Pustaka Aman Press. Sdn. Bhd., Kota Bharu.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.